

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER
A/L RAJAJI [JELUTONG]**

TARIKH : 29 OKTOBER 2019 (SELASA)

SOALAN : 27

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berapakah kos yang terlibat dalam pembinaan bangunan tempat letak kereta di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan melalui Malaysia Airports Holding Berhad (MAHB) telah memulakan Projek Pembangunan Tempat Letak Kereta Bertingkat berkapasiti 3,500 lot yang dirancang untuk dibina melalui 2 fasa iaitu Fasa 1 (1,700 lot) dan Fasa 2 (1,800 lot). Pembinaan bagi projek Fasa 1 telah dimulakan pada bulan Ogos 2018. Tempoh pembinaan bagi Fasa 1 adalah selama 18 bulan yang melibatkan pembinaan tempat letak kereta dengan 7 tingkat.
2. Setelah kapasiti tempat letak kereta di Fasa 1 mencapai tahap maksimum penggunaannya, pembinaan tempat letak kereta berkapasiti 1,800 akan dilaksanakan.
3. Keseluruhan kos yang terlibat dalam projek ini ialah RM64 juta.

Sekian, terima kasih.